

# Ekonomi 2014 dijangka lebih baik

**Kuala Lumpur:** Pasaran sedang berkembang pesat di Asia termasuk Malaysia dijangka mengalami satu lagi fasa 'gelombang pertumbuhan' kukuh pada tahun depan berikutan pemulihan dalam pasaran eksport dunia, kata pakar ekonomi antarabangsa.

Ketua Ahli Ekonomi dan Ketua Penyelidikan Asia Pasifik, Deutsche Bank Hong Kong, Michael Spencer, berkata tahap keadaan semasa ekonomi dunia adalah baik dan memberi isyarat yang memberangsangkan menuju 2014.

Katanya, ia disokong pemulihan stabil di Eropah manakala Amerika Syarikat (AS) mula menunjukkan beberapa petunjuk baik meskipun negara itu diselubungi beberapa isu dalaman sejak Ogos lalu.

"Semua faktor berkenaan adalah berita baik kepada ekonomi sedang membangun Asia yang eksportnya tidak berkembang dengan kukuh sejak dua setengah tahun lalu," katanya ketika menjadi panel

sesi bertajuk 'Tinjauan Pasaran 2014' pada Simposium Pasaran Modal Asia (WCMS) di sini, semalam.

Spencer berkata, perkembangan itu antara berita baik kepada Malaysia yang nisbah eksport kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) adalah 100 peratus untuk mengimbangi semula pertumbuhan sederhana sejak beberapa tahun lalu.

**“  
Perkembangan itu  
berita baik kepada  
Malaysia untuk  
mengimbangi  
semula  
pertumbuhan”**

**Michael Spencer,**  
Ketua Ahli Ekonomi  
dan Ketua Penyelidikan  
Asia Pasifik, Deutsche Bank  
Hong Kong

## **Perkukuh perdagangan**

"Ini peluang terbaik kepada Malaysia untuk mengukuhkan semula perdagangannya ke paras tertinggi dalam tempoh tiga tahun," katanya.

Sementara itu, Ketua Strategi Ekuiti Pasaran Sedang Membangun dan Asia JP Morgan Asia Pasifik, Adrian Mowat, berkata beberapa suku tahunan yang akan datang dijangkakan menjadi pemacu kritikal kepada pertumbuhan ekonomi pasaran sedang berkembang pesat Asia untuk tempoh yang lebih panjang.

Katanya, ia termasuk peluang untuk mengukuhkan semula beberapa aset kelas di pasaran berkenaan yang mencatatkan prestasi di bawah tahap keupayaan sebenar sejak beberapa tahun lalu.

"Destinasi bagi mencapai pertumbuhan yang mapan agak berliku, namun saya yakin aliran modal akan kembali mengalir ke pasaran sebelah sini tidak lama lagi.

"Kekalutan yang berlaku

dalam pasaran antara Mei hingga Ogos lalu atas beberapa faktor yang berlaku di AS sebenarnya adalah 'panggilan mengejut' yang baik kepada ekonomi di rantau ini. Ia baik kerana membolehkan dasar lebih berdaya maju dirangka pada masa akan datang," katanya.

## **'De-Americanization'**

Sementara itu, mengenai sama ada dunia akan menjadi semakin kurang bergantung kepada AS atau 'De-Americanization' Spencer berkata, perkara itu tidak akan berlaku dalam tempoh terdekat ini.

"Dunia tiada pilihan kerana sebagai contoh, perhatikan saja pasaran bon renminbi yang mungkin hanyalah sebesar Itali. 'De-Americanization' tidak akan berlaku dalam tempoh terdekat seperti yang pernah disaksikan semasa peralihan kebergantungan dunia daripada pound sterling Great Britain ke dolar AS pada dekad 1800-an," katanya.